

PPUMS anjur Persidangan Kinabalu ke-5

NST 30.3.2018 5

KOTA KINABALU: Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional Universiti Malaysia Sabah (PPUMS) akan menganjurkan Persidangan Pengurusan dan Profesional Kinabalu kali ke-5 (PPPK V) pada 9 hingga 10 Mei 2018 bertempat di Grand Ballroom 1 Borneo, Kota Kinabalu.

Persidangan kali kelima ini akan mengangkat tema "Industrial Revolution 4.0: Quest for Wisdom" yang akan menghimpunkan panel penceramah ternama tanah air yang pakar dalam bidang teknologi maklumat dan pengurusan digital.

"Persidangan ini akan menjadi medan para pegawai pengurusan mendapat dan berkongsi ilmu melalui pengalaman yang berbeza-beza dalam melaksanakan pengurusan dan pentadbiran organisasi," jelas Pengerusi PPPK V, Ahmad Sudin dalam satu kenyataan yang dikeluarkan.

Tambah Ahmad lagi, para peserta akan berpeluang mendapatkan input mutakhir daripada penceramah dan mengaplikasikan ilmu dan pengetahuan yang diperolehi bagi meningkatkan kerjaya dan memajukan organisasi, selaras dengan zaman ledakan Revolusi Industri Keempat sekarang ini.

"Persidangan akan diadakan secara pembentangan kertas kerja, forum dan sesi soal jawab pada setiap pembentangan," katanya.

Seramai 200 peserta dianggarkan akan menyertai persidangan ini yang terdiri daripada para pentadbir, pengurus, ahli akademik, pegawai-pegawai sektor awam dan swasta, badan berkanun, badan korporat, badan bukan kerajaan dan orang perseorangan.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut berkenaan persidangan ini, boleh menghubungi Pn. Junainah Ismail (019-2265564), Pn. Norazmayati Kassim (013-8507077) atau Pn. Armawati Natasha (016-8105384)